

Bagaimana Gerangan Menghadapi Tahun 1957

“Membangkitkan ini bukanlah berarti bahawa pemuda-pemuda Islam itu mesti membuat “heboh”, membuat ribut di dalam tanah air kita ini, atau lebih tegasnya bukanlah berarti cuba memperkecilkan usaha yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita dan alim ulama kita.....” kata saudara Johari dalam sambutannya ini—P.Q.

(oleh : Johari Ahmad)

Saudara pemuda Islam, harapan umat!

Mulai dari permulaan Januari lagi, kita di tanah air kita ini menghadapi tahun baharu Masihi. Bagi kita umat Islam yang mempunyai nama hari, nama bulan, nama tahun, dan perkembangan sejarahnya yang tersendiri, dipandang dari sudut “keagamaan” kita, tentulah tidak ada satu perkara “istimewa” yang harus kita muliakan pada hari itu, umpamanya seperti kita menyambut kedatangan “Aid al-Adhā” dan sebagainya, kecuali oleh ajaran agama kita- agama Islam- yang berdasarkan “al-Ta’aruf”, kena mengenali, berlapang dada, berbuat baik dan kebajikan serta menganjurkan rasa kebajikan itu sedalam-dalamnya sesama kita, dan juga sesama manusia, maka tentulah kedatangan tahun baru Masihi ini tidak pula dapat kita anggap sepi begitu sahaja, sekurang-kurangnya untuk menunjukkan kepada dunia peradaban betapa rasa harga dan “penghargaan” kita terhadap ajaran-ajaran Islam yang kita anut dan kita amalkan dalam diri peribadi kita (tidak hanya Islam di mulut-Islam Ja’arafi), yang meminta supaya ada “ saling mengerti” di antara kita sebagai umat Muhammad dengan umat-umat yang lain di muka bumi Allah ini, maka marilah kita dengan jujur, tenang, berani dan

ikhlas mengaturkan serta mengucapkan ucapan “Selamat Tahun Baru” kepada semua manusia yang menganut agama Masihi, kepada mereka marilah kita sama-sama mengajak untuk merenungkan setiap kejadian dalam arena dunia kita sekarang yang semakin hari semakin cemas dan mencemaskan, kepada mereka sebagai manusia beragama, marilah kita menyeru untuk sama-sama merenungkan setiap hakikat keadaan umat manusia sekarang di atas bumi Allah ini yang bukan sahaja menghadapi komplot siasah, tetapi juga menghadapi kerosakkan akhlak, menghadapi penyakit jasmani dan rohani, menghadapi “wabak-bala bencana” kepincangan masyarakat, adab dan budaya. Mari kita serukan di tengah-tengah dua blok raksaksa sekarang yang biadab dan rakus, buas dan kejam menghentam dan mencengkam “perikemanusiaan” serta berniat melenyapkan sama sekali akidah-akidah kepercayaan yang baginya dianggap sebagai “candu rakyat”, kita serukan: supaya mereka jangan begitu jauh tersasul, dan kepada semua manusia terutama penganut-penganut kepercayaan yang dianggapnya benar dan sebagai agama pegangannya, seruan Rasul: “Wahai ahli-ahli kitab! Marilah kepada kalimah persamaan antara kami dan kamu, iaitu kita tidak menyembah selain Allah.....”

Itulah soal pertama yang patut kita buat supaya dengan peranan kita menghadapi tahun 1957 ini, maka untuk soal selanjutnya tidaklah menjadi suatu hal yang terlalu atau kesalahan besar jika kita dengan sejenak merenung serta berfikiran apakah gerangan usaha-usaha kita, usaha-usaha kebaikan dan kebajikan yang telah kita laksanakan semasa hidup masa sekarang -mengikut daya dan kemampuan kita- untuk kebangunan Islam terutamanya, untuk tanah air dan bangsa serta juga perikemanusiaan keduanya. Tidaklah salah rasanya kita cuba mengulangkaji usaha-usaha kita yang telah lalu itu, kerana kita sebagai umat Muhammad, di mana pun berada dan dalam saat apa pun, juga harus pandai membuat perhitungan, kejayaan, hemat dan tilikan, maka sesuaihal nanti hal ini dengan ajara: “Bersyukur sekadar apa yang telah tercapai, tetapi, tidak berputus asa dengan usaha kerja yang masih terbengkalai”.

Renungkanlah!

Sejauh manakah usaha kita sebagai putera Muhammad, yang diamanahkan untuk membela perikemanusiaan di atas bumi Allah ini, sesuai dengan ajaran Islam kita dengan soal-soal dunia sekarang, beribu-ribu umat Muslimin di Timur Tengah masih tetap tidak tenang, “pembersihan” masih dan sedang di lakukan, entah berapa ribu Muslimin di situ telah menghadapi kehancuran rumah tangganya, kehilangan anaknya, entah berapa! Darah masih mengalir di Algeria, darah syuhada dalam perjuangan merebut dan mempertahankan kedaulatan tanah airnya. Manusia biadab masih rakus di kawasan itu, entah berapa tahun lagi pula hal ini akan berlaku dan berkepanjangan. Kejadian-kejadian di Timur Tengah itu, bagi kita umat Islam bukanlah satu hal yang kecil ertinya, yang hanya mengenai

siasah belaka juga mengenai “agama” anutan kita sendiri, Timur Tengahlah merupakan “kuat kebudayaan Islam”, Timur Tengahlah merupakan “rangkaian perkara-perkara Islam” yang walaupun sekarang masih tetap dalam corak pemerintahannya masing-masing, ada yang baharu berdasarkan “sosiolism” ada yang pemerintahannya masih tetap “beraja” masih dipegang oleh kaum bangsawan, tidak sesuai dengan ajaran Islam yang menghendaki negara itu ditadbirkan dengan “syura”, kuasa tertinggi adalah “Allah” sedang pemerintah hanya “melaksanakan” perintah Allah.

Sungguh Timur Tengah itu adalah penting bagi kita, kawasan ini sampai sekarang pun harus diakui sebagai kawasan di mana terdapat banyak umat Islam, kawasan ini masih tetap merupakan “rantai bersambung” antara kita negara-negara dan umat Islam di Timur ini dengan negara dan umat Islam di Barat, rantai bersambung yang dimaksudkan dan diharapkan akan mencetuskan kembali api dan roh pergerakan Islam sedunia (pan-Islamism).....

Tetapi, kenyataan-kenyataan sekarang kawasan-kawasan di mana Muslimin, berjuta-juta bilangan mereka sedang menghadapi keadaan yang tenat sekali, dengan cemas dapat kita katakan bahawa kita melihat dengan nyata sekali “peranan” besar yang dilakokan oleh dua-dua blok dunia imperialis sekarang untuk mencengkam kawasan ini, dua-dua blok ini pandai melakokan peranannya sehingga bagi setengah-setengah orang kita dianggapnya suatu “pertolongan” besar untuk menegakkan kedaulatan negara-negara itu. Cukuplah bagi kita sebagai umat Muhammad yang harus “tajam matanya” dengan beberapa perkataan yang amat merdu bunyinya tetapi amat bisa dan besar padahnya yang selalu dihamburkan oleh pemimpin-pemimpin komunis Rusia itu, cukuplah juga bagi kita dengan sikap imperialis Amerika yang

baharu-baharu ini keluar: “Doctrine Eisenhower”!

Itu satu soal di antara ribuan soal keluar yang mengenai umat Muslimin dunia sekarang dan juga perikemanusiaan seluruhnya.

Dan dalam tanah air sendiri?

Ada banyak juga soalnya yang amat penting, salah satu yang terbesar: kemerdekaan tanah air kita, yang khabarnya akan disyiharkan pada bulan Ogos kelak, sesuaikan kemerdekaan itu bagi kita dalam erti kata seluruhnya? Apakah pula kemerdekaan itu merupakan “matlamat” yang terakhir dituju oleh setiap Muslim di tanah air kita ini. Atau hanya merupakan “alat” untuk menuju kepada medan yang lebih besar, kepada suatu usaha yang lebih bernilai, atau juga kepada kerja untuk mengisi kemerdekaan itu.

Khabarnya juga Islam akan dijadikan agama rasmi di dalam tanah air kita ini, dan ini oleh sebahagian besar umat Islam di tanah air kita ini sudahlah menyambutnya dengan rasa bangga dan penuh harapan, tetapi betulkah “perasmian Islam” sebagai agama di tanah air kita ini akan benar-benar terlaksana segala hukum dan tuntutannya di dalam kehidupan masyarakat dan orang-orang perseorangan, sejauh manakah perkataan “rasmi” itu akan dapat mempengaruhi seluruh kehidupan masyarakat kita?

Renungkanlah pula sekolah-sekolah agama yang dikatakan akan dijadikan agama rasmi di tanah air kita ini nanti, sekolah-sekolah Islam yang “terperosok” di hujung-hujung dunia jauh di sana, dengan atapnya “awan di langit”, lantainya “bumi Allah”, alangnya “patah sekerat”, tingkapnya “pecah seribu” dihentam oleh angin dan hujan malam, sesuaikan gerangan sekolah-sekolah itu (katakanlah ia “sekolah”, yang sebenarnya nama itu amat mahal sekali pengertiannya dibanding dengan tempat-tempat pelajaran Islam di kampung-kampung itu)! Ya, sesuaikan sekolah-sekolah itu kita bawa bersama

menghadapi kemerdekaan tanah air kita nanti, yang harus pula berdaulat keluar dan ke dalamnya?

Dan bagaimanakah dengan keadaan “pejabat-pejabat” agama yang di katakan akan menjadi agama rasmi ini juga, kerusi-kerusinya sudah di makan “anai-anai”, buku undang-undangnya pun dimakan oleh gegat pula, sudahkah hari ini ada suatu pembaharuan yang sesuai dan tegas mengenai undang-undang di pejabat-pejabat ini supaya lebih luas, sesuai dengan susunan ayat: “Bahawa agama Islam adalah agama rasmi” di Tanah Melayu ini? Ada banyak lagi soal-soal besar seperti itu yang harus pemuda-pemuda Islam memikirkannya.

Membangkitkan ini, bukanlah bererti bahawa pemuda-pemuda Islam itu mesti membuat “heboh”, membuat ribut di dalam tanah air kita ini, atau lebih tegasnya bukanlah bererti cuba memperkecilkan sebarang usaha yang di buat oleh pemimpin-pemimpin kita, ulama-ulama kita, tetapi membangkitkan ini ialah dengan harapan semoga setiap orang pemuda Islam di tanah air kita ini dapat berfikir sendiri terhadap sesuatu dalam tanah airnya, yanh dari sisni akan terbitlah rasa tanggungjawab yang besar baginya kemudian hari, bila sahaja ia menempati “tempat-tempat” bapa-bapanya, ia sebagai “pemuda Islam” hari ini, akan menjadi “bapa Islam hari esok” ia sebagai “mubaligh kecil Islam hari ini, harus besok, sampai saatnya ia menjadi tokoh pemimpin umat yang besar”, Ya! Ia seorang pemuda Islam hari ini, tetapi jika ia tetap “waspada” terhadap tanah airnya, ia bukan sahaja sudah berjasa terhadap tanah airnya sesuai dengan kedudukan sekarang sebagai “pemuda”, tetapi ia pada suatu hari dapatlah menjadi seorang “Muslim” yang benar, seorang Muslim besar, yang bukan sahaja mempunyai perhubungan batin dengan Tuhannya tetapi mempunyai perhatian yang rapat dengan masyarakatnya!***